

TARIKH: 15 MEI 2022  
SURAT KHABAR: BERITA HARIAN  
MUKA SURAT: 23



Saravanan ketika bertemu wakil Microsoft di Washington bagi membincangkan kerjasama pembangunan modal insan.

(Gambar ihsan Kementerian Sumber Manusia)

## HRD Corp, Microsoft jalin kerjasama perkasa belia Orang Asli

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) akan menjalin kerjasama dengan Microsoft Corporation (Microsoft) bagi memperkasakan belia Orang Asli di negara ini menerusi penggunaan teknologi.

HRD Corp agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), manakala Microsoft adalah syarikat teknologi multinasional yang berpangkalan di Redmond, Washington, Amerika Syarikat (AS).

Microsoft terhabit dalam pembangunan dan penghasilan perisian komputer, peralatan elektronik, komputer pertabdi dan servis digital yang lain seperti 'server' carian dan pengkomputeran awan (cloud computing).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata kerjasama itu membabitkan pembangunan infrastruktur dan modal insan yang menjurus kepada penggunaan teknologi semasa dalam memperkasakan belia Orang Asli di Malaysia.

"Dalam lawatan kerja saya ke Washington, saya telah bertemu

dengan Microsoft bagi membina cangkan kerjasama membangun kan pembangunan infrastruktur dan program pembangunan modal insan.

"Program ini menjurus kepada penggunaan teknologi semasa dalam memperkasakan belia Orang Asli di Malaysia, menggalungkan kekuaran kedua-dua organisasi bagi memperkasakan belia masyarakat itu dalam penggunaan teknologi yang akan meningkatkan kemahiran dan keupayaan berfikir.

"Ini secara tidak langsung akan membuka peluang kepada belia Orang Asli untuk menempatkan diri mereka dalam dunia pekerjaan dan keusahawanan, katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata, sasaran utama pelaksanaan program dan ini-siatif itu adalah untuk menggalakkan belia, khususnya komuniti Orang Asli untuk menambah baik diri mereka secara proaktif. Sebagai permulaan, Saravanan meminta HRD Corp melaksanakan projek perantis untuk belia Orang Asli di Tapah, Perak.